



## **SIARAN MEDIA**

**Kuala Lumpur, 9 Jun, 2021** – Adalah dimaklumkan bahawa menjunjung titah perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Istana Negara akan menganjurkan sesi Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara pada hari Rabu, 16 Jun 2021.

Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu ini adalah atas inisiatif Seri Paduka Baginda dan akan dipengerusikan oleh Baginda.

Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu ini berkaitan dengan usaha-usaha memerangi penularan jangkitan wabak COVID-19 dan pelaksanaannya semasa tempoh darurat. Perbincangan Khas ini adalah kali kedua seumpamanya diadakan di Istana Negara sejak Seri Paduka Baginda menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 31 Januari, 2019.

Kali pertama Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu telah dianjurkan dan berlangsung pada 25 Oktober, 2020 di Istana Negara.

Dato' Indera Ahmad Fadil Shamsuddin  
**Datuk Pengelola Bijaya Diraja**  
**Istana Negara**